

BAHAGIAN A

Jawab semua soalan.

- Peta yang menggambarkan permukaan bumi yang dilukis dari pandangan atas secara kasar ialah
 A pelan. C peta atlas.
 B peta lakar. D peta topografi.
- Apakah yang digunakan untuk menggantikan ciri sebenar di atas peta lakar?
 A Simbol C Graf
 B Rajah D Foto
- Antara berikut, ciri yang manakah terdapat dalam sebuah peta lakar?
 I Pemidang
 II Warna putih
 III Nama murid
 IV Arah mata angin
 A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV
- Apakah maksud simbol  di dalam peta lakar?
 A Pantai C Balai polis
 B Masjid D Paya bakau
- Antara berikut, yang manakah ialah simbol kawasan yang biasa dilukiskan di atas peta lakar?
 A  C 
 B  D 
- Apakah jenis simbol yang digunakan untuk mewakili sekolah di atas peta lakar?
 A Simbol titik
 B Simbol kawasan
 C Simbol garisan
 D Singkatan perkataan
- Apakah objek yang ditunjukkan dalam peta lakar sebagai simbol garisan?
 A Sungai
 B Hutan
 C Balai polis
 D Stesen trigonometri
- Apakah jenis simbol yang digunakan untuk mewakili objek berikut di atas peta lakar?


- Masjid
 - Tanda tinggi

 A Simbol titik
 B Simbol garisan
 C Simbol kawasan
 D Singkatan perkataan
- Antara berikut, yang manakah ialah simbol yang mewakili pandang darat fizikal di atas peta?
 A  C 
 B  D 

10. Apakah jenis tumbuhan yang boleh dilukis untuk mewakili pandang darat fizikal di atas peta lakar?

- A Getah C Rumput
B Kelapa D Kelapa sawit

11. Antara berikut, yang manakah merupakan simbol pandang darat budaya di dalam peta lakar?



- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

12. Antara berikut, yang manakah merupakan langkah yang pertama semasa melukis peta lakar?

- A Lukis petunjuk
B Lukis arah mata angin
C Pilih simbol yang sesuai
D Tulis tajuk dan lukis pemidang peta

Soalan 13 dan 14 berdasarkan Peta 1 di bawah.



Peta 1


13. Apakah pandang darat fizikal yang terletak di barat laut peta?

- A Kontur C Jambatan
B Sungai D Benteng

14. Antara berikut, yang manakah ialah simbol garisan yang dilukis di atas peta?

- A Sekolah C Benteng
B Padi D Kelapa sawit

Soalan 15 dan 16 berdasarkan Peta 2 di bawah.



Peta 2

15. Apakah jenis simbol yang digunakan untuk mewakili pandang darat fizikal di atas peta?

- A Simbol titik
B Simbol garisan
C Simbol kawasan
D Singkatan perkataan


16. Kebanyakan penduduk di Kampung Ria beragama

- A Islam.
B Hindu.
C Buddha.
D Kristian.

BAHAGIAN B

Jawab semua soalan.

Rujuk peta lakar yang disediakan untuk menjawab Soalan 1.



Peta 3: Pekan Ahad dan kawasan sekitarnya — T

Soalan 1 berdasarkan peta lakar di atas. Kaji peta lakar tersebut dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.

1. (a) Nyatakan ciri-ciri dalam peta lakar. **SP 13.4**

P : _____

Q : _____

R : _____

S : _____

T : _____

- (b) Senaraikan simbol pandang darat fizikal dalam peta lakar. **SP 13.3**

- (c) Senaraikan simbol kawasan yang dilukis di atas peta lakar.

2. (a) Lukiskan empat simbol kawasan yang biasa terdapat dalam peta lakar. **SP 1.3.2**

(i) _____

(iii) _____

(ii) _____

(iv) _____

(b) Lukiskan empat simbol garisan yang biasa terdapat dalam peta lakar. **SP 1.3.2**

(i) _____

(iii) _____

(ii) _____

(iv) _____

(c) Lukiskan tiga simbol titik yang biasa terdapat dalam peta lakar. **SP 1.3.2**

(i) _____

(iii) _____

(ii) _____

(iv) _____

(d) Lukiskan empat singkatan perkataan yang biasa terdapat dalam peta lakar. **SP 1.3.2**

(i) _____

(iii) _____

(ii) _____

(iv) _____

Sudut Nota

► Peta boleh dibahagikan kepada empat jenis, iaitu:

- Pelan ialah rajah yang digunakan untuk menggambarkan ukuran sesuatu bangunan.
- Peta lakar ialah peta yang dilukis secara lakaran dan senang dilukis.
- Peta topografi ialah peta yang menggambarkan sesuatu kawasan yang kecil secara terperinci dengan menggunakan skala yang lebih besar.
- Peta atlas ialah peta yang menggambarkan kawasan yang amat luas dan mempunyai skala yang kecil.